

## KRITERIA KIFĀYAH DAN MA'RŪF NAFKAH ISTERI DAN ANAK: KAJIAN PELAKSANAAN SEMASA DI MALAYSIA\*

**Criteria of *Kifāyah* and *Ma'rūf* for Maintenance of  
Wife and Children: A Study on the Current Practice in  
Malaysia**

Bahiyah Ahmad<sup>1</sup>  
Raihanah Azahari<sup>2</sup>  
Asmak Ab Rahman<sup>3</sup>

### ABSTRACT

*It is obligatory for a husband in Islam, to provide his wife and children with sufficient maintenance. In this aspect, he must ensure that the maintenance provided has fulfilled the criteria*

---

\* Artikel ini adalah hasil dari projek penyelidikan FRGS FP023/2011A bertajuk: “Penetapan Kadar *Kifāyah* dan *Ma'rūf* Nafkah Isteri dan Anak di Malaysia” dan dibentangkan di Seminar Penyelidikan KPT Bil.2/2012.

<sup>1</sup> SLAB Fellow, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur, busyra4u@gmail.com,

<sup>2</sup> Associate Professor, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur, raihan@um.edu.my.

<sup>3</sup> Senior Lecturer, Department of Shariah and Economics, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur, asmak.unimalaya@gmail.com.

determined by Islam that are *kifāyah* and *ma'rūf*. It is however worth to mention that the interpretation of these concepts must be based on the current societal norms. This article analyzes how the concept of *kifāyah* and *ma'rūf* have been discussed and applied in Malaysian Shariah Courts. The data for the study have been obtained from the interviews with the Sharia court judges who have been presiding matrimonial cases pertaining to family maintenance. It is eventually found that the judges have taken into consideration several criteria in their judgment to clarify and measure the *kifayah* and *maaruf* concepts which reflects that the modern socio economic conditions have been indeed incorporated.

**Keywords:** Maintenance, wife, rate, *kifāyah* (adequacy), *ma'rūf* (kindness), *'urf* (social practice), Shariah

## PENDAHULUAN

Apabila Hindun binti ‘Utbah mengadu kepada Rasulullah SAW bahawa suaminya Abū Sufyān, telah bersikap kedekut dengan tidak memberikan nafkah kepada dia dan anaknya, maka Rasullullah SAW telah memberi kebenaran kepada Hindun untuk mengambil sendiri nafkahnya dan anaknya daripada harta Abū Sufyān sehingga mencukupi untuk diri dan anaknya dengan cara yang baik walaupun tanpa pengetahuan Abū Sufyān sebagaimana hadith menyebut:

*Dari pada Aisyah RA, beliau telah berkata, telah berkata Hindun, istri kepada Abū Sufyān kepada Nabi SAW, bahawa sesungguhnya Abū Sufyān itu seorang yang bakhil, dia tidak memberikan aku apa yang cukup bagiku dan untuk anakku, kecuali aku mengambil senyap-senyap daripadanya dengan tidak dia ketahui. Bersabda Rasulullah SAW, “ambillah apa yang cukup bagimu dan anakmu secara yang ma'rūf”.*

(Hadith Muttafaq ‘Alayh)<sup>4</sup>

<sup>4</sup> Muḥammad bin Ismaīl, Abū ‘Abd Allah al-Bukhārī, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, Bāb Khidmah al-Rajul fī Ahlīh (ed. Muṣṭafā Dib al-Bughā; Beirut: Dār Ibn Kathīr, 3rd edn., 1987), no. hadis 5049, vol. 5, 2052; Muslim bin Hajjāj Abū al-Ḥusayn al-Qushayrī al-Naysabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Bāb Qadiyah Hindun (ed. Muḥammad Fuad ‘Abd al-Baqī; Beirut: Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t), no.hadis 1714, vol. 3, 1338.

Penegasan di atas menunjukkan bahawa nafkah perlu diberikan secara cukup dan baik yang diistilahkan di dalam bahasa Arab sebagai *kifayah* dan *ma'rūf*. Kedua-dua kriteria ini menjadi syarat kepada pembiaya nafkah apabila hendak memberikan nafkah kepada pihak-pihak yang berhak.

Seksyen 61 Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 memperuntukkan:

*Pada menentukan jumlah apa-apa nafkah yang hendak dibayar, mahkamah hendaklah mengasaskan pentaksirannya terutama sekali atas kemampuan dan keperluan pihak-pihak itu, dengan mengira kadar nafkah itu berbanding dengan pendapatan orang yang terhadapnya perintah itu dibuat.<sup>5</sup>*

Disebabkan peruntukan yang umum, para hakim mengambil kira pelbagai faktor untuk menetapkan kadar nafkah isteri dan anak yang menepati maksud *kifayah* dan *ma'rūf*. Ini seringkali membezakan antara satu kes dengan kes yang lain, seiring bertambahnya pengalaman dan pengamatan hakim-hakim. Perbezaan pendekatan hakim-hakim dalam menentukan kadar nafkah yang munasabah ini seringkali menjadi persoalan dan tanda tanya kepada pihak-pihak yang terlibat kerana ketidakjelasan penentuan dua kriteria tersebut. Justeru, kajian ini cuba menjelaskan kesamaran tersebut dengan merujuk kepada konsep *kifayah* dan *ma'rūf* menurut syarak dan amalan penghakiman semasa.

## SOROTAN KAJIAN LEPAS

Nik Noraini Nik Badli Shah mendapati bahawa pendapatan dan keupayaan mencari pendapatan oleh suami merupakan faktor yang diberi pertimbangan utama oleh hakim dalam memutuskan kes-kes nafkah anak dan isteri.<sup>6</sup> Sementara Suwaid Tapah,<sup>7</sup> dan Nurhidayah Hashim<sup>8</sup> pula berpendapat adalah

<sup>5</sup> Lihat Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984: Seksyen 61: Pentaksiran Nafkah, [http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal\\_Original.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/d441586f0bd6767348256cef00297264?OpenDocument](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal_Original.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/d441586f0bd6767348256cef00297264?OpenDocument), Julai 2013.

<sup>6</sup> Nik Noraini Nik Badli Shah, *Undang-Undang Keluarga: Nafkah dan Hak-Hak Kewangan Lain* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1994), 105.

<sup>7</sup> Suwaid Tapah, ‘Nafkah Isteri’, *Undang-Undang Keluarga Islam* (ed. Abdul Monir Yaacob & Siti Shamsiah Md.Supi, Kuala Lumpur: IKIM, 2006), 61-79.

<sup>8</sup> Nurhidayah Muhamad Hashim, ‘Failure to provide maintenance for the wife & children: Is there justice for women in Malaysia’s Syariah Court?’ dalam 5<sup>th</sup> Asian Law Institute Conference (ASLI), 2008, Kuala Lumpur: Universiti Malaya (Koleksi Malaysiana).

sangat penting merujuk pendapat mazhab Syafii dan jumhur yang menekankan bahawa dalam menentukan kadar nafkah, ia mestilah mengikut kelaziman dan adat sesuatu tempat.<sup>9</sup> Sebagai sokongan kedua-dua penulisan ini merujuk kes Nor Bee Iwn Ahmad Shanusi<sup>10</sup> dan menyimpulkan bahawa hakim ada mempertimbangkan kadar nafkah isteri menurut kelas sosioekonomi masyarakat di mana isteri berada. Hakim dalam kes tersebut menjelaskan kadar nafkah isteri adalah mengikut kedudukan sosioekonomi, atas nisbah kaya, sederhana atau miskin. Dari sudut menyediakan makanan adalah mengikut ikhtiar dan kebiasaan, iaitu bagi orang Melayu makanannya ialah 2 kali ringan dan 2 kali berat. Untuk empat kali makan bagi peringkat pertengahan diperlukan tidak kurang dari RM6 sehari.<sup>11</sup> Menurut Suwaid Tapah, keputusan tersebut dibuat pada tahun 1981 iaitu dengan keadaan dan nilai mata wang pada waktu tersebut masih lagi rendah. Justeru sangat wajarlah jika perkiraan kadar nafkah diberi pertimbangan dengan mengikut keadaan semasa kes itu, contohnya RM10 atau lebih lagi pada masa sekarang.<sup>12</sup>

Nurhidayah<sup>13</sup> yang merujuk kes yang sama, berpendapat jika diaplikasikan pada waktu sekarang, RM6 sehari hanya dapat menampung sebahagian makanan. Dalam analogi yang mudah, beliau membuat kiraan iaitu seorang isteri yang hidup sederhana memerlukan RM5 untuk makan pagi, RM6 untuk makan tengah hari dan RM6 untuk makan malam, yang menjadikannya RM17 sehari atau lebih kurang RM500 sebulan.<sup>14</sup> Kedua-dua kajian ini walaupun berjaya menunjukkan bahawa penentuan kadar nafkah yang bersesuaian dengan amalan setempat adalah penting, namun masih belum mampu menjawab persoalan bagaimakah kadar semasa dan setempat itu ditentukan sehingga mampu dijadikan garis panduan oleh pihak-pihak yang berkaitan seperti hakim di mahkamah-mahkamah syariah.

Dengan merujuk penghakiman kes-kes di mahkamah-mahkamah syariah negeri Selangor, Siti Aishah Din<sup>15</sup> mengkaji mekanisma penetapan kadar nafkah anak. Pengkaji mencadangkan had minima nafkah keluarga

<sup>9</sup> Suwaid Tapah, ‘Nafkah Isteri’, 66-67.

<sup>10</sup> Jurnal Hukum, Bahagian II, 1981, 67.

<sup>11</sup> Suwaid Tapah, ‘Nafkah Isteri’, 67-68.

<sup>12</sup> Suwaid Tapah, ‘Nafkah Isteri’, 68.

<sup>13</sup> Nurhidayah Muhamad Hashim, ‘Failure to provide maintenance for the wife & children’, 9.

<sup>14</sup> Nurhidayah Muhamad Hashim, ‘Failure to provide maintenance for the wife & children’, 9.

<sup>15</sup> Siti Aishah Din, ‘Mekanisma Penetapan Kadar Nafkah Anak: Analisis Terhadap Penghakiman Kes-Kes Mahkamah Syariah Negeri Selangor’ (Tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010).

ditetapkan dengan merujuk had *kifāyah* jabatan zakat negeri-negeri. Beliau juga mencadangkan potongan peratusan pendapatan bapa untuk pembiayaan nafkah anak sepetimana yang dijalankan di Australia iaitu potongan 15% bagi seorang anak, 20% bagi dua orang anak, dan 25% bagi tiga orang anak atau lebih dan kadar nafkah anak yang diberikan sepatutnya adalah dalam nisbah 1/3 pendapatan bapa. Cadangan pengkaji mungkin berpunca daripada pengalaman beliau yang luas dalam bidang guaman syarie. Walau bagaimanapun, beliau tidak memberikan justifikasi kenapa cadangan tersebut dibuat. Kajian beliau juga lebih tertumpu kepada fail-fail kes manakala kajian ini lebih fokus kepada amalan semasa masyarakat dalam pemberian nafkah isteri dan anak.

Azhar Abdul Aziz<sup>16</sup> dalam kajiannya mengenai amalan perkongsian pendapatan antara suami dan isteri juga mencadangkan mekanisma penetapan kadar nafkah isteri dan anak. Azhar menjelaskan, suami sebagai pembiaya nafkah utama mampu memenuhi aspek *ma'rūf* apabila dia menanggung 2/3 daripada perbelanjaan nafkah keluarga. Beliau merujuk kepada pandangan al-Qaraḍāwī yang menjelaskan, bahawa sumbangan isteri dalam nafkah rumah tangga yang tidak melebihi 1/3 adalah dibenarkan. Bagi menyokong cadangannya, beliau telah merujuk beberapa kes yang diputuskan yang menunjukkan hakim selalunya menetapkan kadar 2/3 daripada keseluruhan perbelanjaan yang dituntut oleh isteri hendaklah ditanggung oleh suami.<sup>17</sup> Bagaimanapun fakta yang diberikan belum cukup kuat untuk menyokong penjelasannya bahawa kadar 2/3 sumbangan suami dalam perbelanjaan keseluruhan keluarga telah memenuhi kriteria *kifāyah* dan *ma'rūf* nafkah isteri dan anak. Walau bagaimanapun, cadangan beliau dilihat sangat baik dalam memutuskan berapakah kadar perkongsian nafkah yang sepatutnya di antara suami dan isteri. Beliau juga tidak mengupas persoalan mengenai keperluan sebenar pihak-pihak yang berhak menerima nafkah.

Beberapa kajian yang dilakukan oleh ahli-ahli akademik di negara ini menunjukkan bahawa perlunya mekanisma yang jelas digunakan oleh para hakim dalam memutuskan kes-kes pentaksiran kadar nafkah. Maznah Mohamad<sup>18</sup> menghuraikan bahawa kes nafkah merupakan antara yang paling

<sup>16</sup> Azhar bin Abdul Aziz, ‘Amalan Perkongsian Pendapatan antara Suami Isteri dalam Keluarga Islam di Malaysia: Analisis Terhadap Sumbangan Isteri Bekerja dalam Perbelanjaan Rumah Tangga’, (Tesis Ph.D, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012).

<sup>17</sup> Azhar bin Abdul Aziz, ‘Amalan Perkongsian Pendapatan antara Suami Isteri dalam Keluarga Islam di Malaysia’, 266.

<sup>18</sup> Maznah Mohamad, ‘Di Mana Berlaku Diskriminasi dalam Undang-Undang Keluarga Islam’, *Undang-Undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-Negara Asean* (ed. Abdul Monir Yaacob; Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2nd edn., 2000), 237-261.

rumit dalam keputusan mahkamah dan ia berkait dengan isu keadilan terhadap kaum wanita. Beliau mendedahkan bahawa, jumlah nafkah yang dipohon dan yang diputuskan adalah amat rendah dan tidak memadai dengan keadaan ekonomi sekarang. Beliau menjelaskan wanita-wanita miskin akan mengalami kesusahan yang berganda kerana walaupun jumlah tuntutan mereka adalah kecil namun mereka terpaksa menunggu proses penyelesaian yang paling lama.<sup>19</sup> Hal yang sama disentuh oleh Mek Wok Mahmud dan Sayed Sikandar Shah bahawa kadar nafkah yang diputuskan oleh hakim mahkamah syariah adalah tidak mengikut taraf hidup semasa.<sup>20</sup> Perbahasan-perbahasan ini muncul mungkin disebabkan oleh keadilan yang tidak mampu dilihat dengan jelas dalam mekanisma penetapan kadar nafkah oleh hakim-hakim walaupun sebenarnya kadar yang diberikan adalah bersesuaian dengan fakta kes yang dirujuk.

Kajian ini bertujuan untuk melihat bagaimana para hakim memutuskan kes-kes tuntutan nafkah bagi isteri dan anak sebagaimana diamalkan di Malaysia.

## METODOLOGI

Bagi mengkaji bagaimana amalan penghakiman dalam penentuan kadar *kifayah* dan *ma'rūf* bagi nafkah isteri dan anak di Malaysia, pengkaji telah menemubual beberapa orang hakim mahkamah syariah terpilih. Seramai sembilan orang hakim yang terdiri daripada Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Lumpur, Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam dan Mahkamah Rendah Syariah di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor telah ditemubual sekitar bulan Ogos 2012 hingga Disember 2012. Sampel kajian dipilih berdasarkan persampelan bertujuan. Temubual dibuat berdasarkan soalan-soalan yang telah dirangka oleh penyelidik sebelum ke lapangan. Data temubual telah dianalisa berdasarkan pendekatan tematik berdasarkan tema-tema yang diperolehi daripada data. Tema-tema ini juga diperolehi dengan merujuk kepada pandangan para fuqaha dan *mufassirin* mengenai kriteria-kriteria *kifayah* dan *ma'rūf* nafkah isteri dan anak. Enakmen dan akta undang-undang keluarga di beberapa buah negara Islam juga diteliti untuk mengenalpasti peruntukan mengenai penaksiran nafkah isteri dan anak di negara-negara tersebut.

<sup>19</sup> Maznah Mohamad, ‘Di Mana Berlaku Diskriminasi dalam Undang-Undang Keluarga Islam’, 253-254.

<sup>20</sup> Mek Wok Mahmud & Sayed Sikandar Shah Haneef, ‘The Problem of the Divorce Among Muslim’, *Malaysia: Addressing Its Epistemological Dimension*, (Kertas kerja, International Family Law Conference, Hotel Crown Princess, Kuala Lumpur, 16-17 Januari 2007), 333.

## HASIL KAJIAN

### Penentuan *Kifayah* dan *Ma'rūf* Nafkah Isteri dan Anak Menurut Syarak

#### a) Penentuan *Ma'rūf* Nafkah Isteri

*Ma'rūf* (المعروف) merupakan salah satu kriteria pentaksiran nafkah isteri sepertimana yang dinyatakan dalam nas-nas al-Quran dan hadis yang berkaitan dengan nafkah isteri. Ayat 233, Surah al-Baqarah menyandarkan kalimah رزقهن (رسوتن) (بالمعرف) pada kalimah (رسوتن) (رسوتن). Juga hadis Hindun yang menunjukkan pentaksiran nafkah kepada isteri hendaklah dengan pertimbangan *ma'rūf*.

Berbanding fuqaha, *mufassirin* lebih banyak membincangkan maksud *ma'rūf* yang dijelaskan dalam nas-nas mengenai nafkah. Pentafsiran *al-ma'rūf* oleh para *mufassirin* dalam Surah al-Baqarah, ayat 233 (وعلى المولود له رزقهن وكسوتهن بالمعرف) boleh diringkaskan sebagaimana berikut:

- i. Tabi'in seperti al-Dahak<sup>21</sup> dan al-Samarqandī<sup>22</sup> berpendapat *ma'rūf* hanya dituntut pada suami. Oleh yang demikian pemberian nafkah kepada isteri perlu berjajaran positif dengan kemampuan dan kekayaan suami. Ini bermakna, semakin mampu dan kaya seorang suami, kadar nafkah kepada isteri perlulah semakin tinggi.
- ii. Al-Baydāwī,<sup>23</sup> al-Qurħubī<sup>24</sup> dan al-Jassas pula berkata *ma'rūf* ialah mengambil kira kemampuan dan keperluan kedua-dua pihak tanpa kedekut ataupun membazir dan saling tidak memberatkan atau menyusahkan antara satu sama lain.

<sup>21</sup> Muhammad bin Jarīr bin Yazid Abū Ja'far al-Tabārī, *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wil al-Qur'ān* (ed. Aḥmad Muḥammad Shakir; t.t.p: Mu'assasah al-Risālah, 1420H/2000M), vol. 5, 44; 'Abd Rahmān bin al-Kamāl Jalāl al-Dīn al-Suyūtī, *al-Dār al-Manthūr* (Beirut: Dār al-Fikr, 1993M), vol. 1, 689, juga dalam tafsiran Abī Muḥammad Ḥussayn bin Maṣ'ūd bin Muḥammad al-Fara' al-Baghwī, *al-Tahzib fī Fiqh Imām al-Shāfi'i* (ed. Ādil Aḥmad; Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1420H), vol. 1, 313.

<sup>22</sup> Abū al-Layth Naṣr bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Samarqandī, *Bahr al-Ulūm* (ed. Maḥmud Mutrajī; Beirut: Dār al-Fikr, t.t), vol. 1, 179.

<sup>23</sup> Al-Baydāwī, *Tafsīr al-Baydāwī* (t.t.p: Dār al-Fikr, n.d), vol. 1, 525.

<sup>24</sup> Abū 'Abd Allah Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurtubī, *al-Jāmi' lī Aḥkām al-Qur'ān* (Kaherah: Dār al-Syi'bī, n.d), vol. 3, 163.

- iii. Al-Naysābūrī<sup>25</sup> dan Qādī Abū Muḥammad<sup>26</sup> menjelaskan, *ma’rūf* menuntut suami dan isteri memberi yang terbaik kepada pasangan masing-masing.
- iv. Ibn Kathīr,<sup>27</sup> Ibn ‘Āsyūr,<sup>28</sup> Ibn ‘Ādil<sup>29</sup> dan al-Jassas<sup>30</sup> pula berpendapat *ma’rūf* disyaratkan bukan sahaja pada suami atau isteri, tetapi perlu mengambil kira pandangan dan pertimbangan masyarakat setempat dan semasa.
- v. Ibn ‘Ādil<sup>31</sup> berkata *ma’rūf* membawa maksud bahawa kadar nafkah tidak boleh dikiaskan dengan dalil syarak yang *qat’i* (yang tetap dan tidak berubah sepanjang zaman).

b) Penentuan *Ma’rūf* Nafkah Anak

Al-Rāzī<sup>32</sup> telah merekodkan beberapa pandangan daripada tabi’in terhadap ayat (وَأَنْرُوا بِنِيكُمْ بِمَعْرُوفٍ) sebagaimana berikut:

- i. Atā’ menjelaskan *ma’rūf* dalam pemberian nafkah anak ialah suami perlu memberikan pemberian yang baik.
- ii. Maqātil pula berpendapat bapa dan ibu perlu saling meredai.

<sup>25</sup> Abū Ishāq Aḥmad bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Tha’labī al-Naysābūrī, *al-Kasyf wa al-Bayān* (ed. Abī Muḥammad bin ‘Āsyūr; Beirut: Dār Ihyā’ al-Turath al-‘Arabī, 1st edn., 1422H/2002M), vol. 2, 181.

<sup>26</sup> Abū Muḥammad ‘Abd Haqq bin Ghālib bin ‘Aṭīyyah al-Andalusī, *al-Muḥarrar al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-‘Azīz* (ed. ‘Abd Salām ‘Abd al-Shāfi’ī Muḥammad; Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1413H / 1993M), vol. 1, 301.

<sup>27</sup> Abī al-Fidā’ Ismā’īl Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm* (ed. ‘Abd Razāk al-Mahdzī; Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1422H/2001), vol. 2, Sūrah al-Baqarah, ayat 233, 568.

<sup>28</sup> Muḥammad al-Ṭāhir Ibn ‘Āsyūr, *Tafsīr al-Tahrir wa al-Tanwīr* (Beirut: Mu’assasah al-Tārikh, 1st edn., 1420H/ 2000), Sūrah al-Baqarah, ayat 233, vol. 2, 411.

<sup>29</sup> Abū Hafs ‘Umar bin ‘Alī Ibn ‘Ādil, *al-Lubāb fī ‘Ulūm al-Kitāb* (ed. ‘Ādil Aḥmad Abd Maujud; Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1st edn., 1419H/ 1998M), vol. 19, 174-176.

<sup>30</sup> Abī Bakr Aḥmad bin ‘Alī al-Rāzī al-Jassas, *Aḥkām al-Qur’ān* (ed. ‘Abd Salām Muḥammad ‘Alī Shāhīn; Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, n.d), vol. 1, 489.

<sup>31</sup> Abū Hafs ‘Umar bin ‘Alī Ibn ‘Ādil, *al-Lubāb fī ‘Ulūm al-Kitāb*, vol. 19, 174-176.

<sup>32</sup> Muḥammad bin ‘Umar bin al-Hussayn al-Rāzī, *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī* (t.t.p: Dār Ihyā’ al-Turath al-‘Arabī, n.d), vol. 30, 33.

- iii. Al-Mabrad berkata *ma'rūf* pada nafkah anak ialah suami tidak mengurangi hak upah dan nafkah wanita yang menyusukan anaknya, dan wanita tersebut tidak mengurangi hak dan penyusuan untuk anak tersebut.
- iv. Pendapat-pendapat yang lain menyatakan penentuan *ma'rūf* nafkah anak bergantung kepada perbincangan antara bapa dan ibu tersebut, sekiranya ibu sukar untuk menyusukan anaknya.

Majoriti *mufassirin* bersetuju bahawa ayat ini adalah seruan kepada kedua ibu bapa untuk berbincang secara baik dalam hal-ehwal nafkah, penyusuan dan lain-lain yang berkaitan dengan anak mereka. Sebagai kesimpulan terhadap pandangan para *mufassirin* mengenai *ma'rūf* dalam pemberian nafkah anak adalah sebagaimana berikut:

- i. Keringanan daripada Allah SWT yang diberikan kepada ibu dan ayah untuk melaksanakan tanggungjawab berkaitan nafkah anak mengikut kemampuan mereka.<sup>33</sup>
- ii. Perbincangan yang baik dan disepakati antara ibu dan bapa berkaitan penyusuan dan hal-ehwal yang berkaitan dengannya.<sup>34</sup>
- iii. Keputusan tersebut tidak boleh memudarangkan anak mereka ataupun pasangan masing-masing.<sup>35</sup>
- iv. Perbincangan dan keputusan tersebut dapat diterima mengikut adat kebiasaan masyarakat dan ‘urf setempat.<sup>36</sup>

<sup>33</sup> Muḥammad bin Aḥmad al-Sharbīnī, *Tafsīr al-Sirāj al-Munīr* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, n.d), vol. 4, 230; Abū al-Layth Naṣr bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Samarqandī, *Bahr al-‘Ulūm* (ed. Maḥmud Mutrajī; Beirut: Dār al-Fikr, n.d), vol. 3, 441; ‘Abd al-Raḥman bin Naṣr bin al-Sa’dī, *Taysīr al-Qur’ān al-Raḥman fī Tafsīr Kalām al-Mannān* (ed. ‘Abd al-Raḥman bin Ma’lā; t.t.p: Mu’assasah al-Risalah, 1420H / 2000M), vol. 1, 871; Abū Hafs ‘Umar bin ‘Alī Ibn ‘Ādil, *al-Lubāb fī ‘Ulūm al-Kitāb*, vol. 19, 171.

<sup>34</sup> Abū al-Qāsim Maḥmud bin ‘Umar al-Zamakhsharī, *al-Kasshāf ‘an Haqā’iq wa ‘Uyūn al-Aqāwil fī Wujūh al-Ta’wīl* (ed. ‘Abd Razzāq al-Mahdī; Beirut: Dār Ihya’ al-Turath al-Arabī, n.d), vol. 4, 562-563.

<sup>35</sup> Abī al-Fidā’ Ismā’īl Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Ażīm*, Sūrah al-Ṭalāq, ayat 6-7, vol. 6, 246; Abū Bakr Muḥammad bin ‘Abd Allah Ibn al-‘Arabī, *Aḥkām al-Qur’ān* (ed. Muḥammad ‘Abd Qādir Atā’; Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1424H/ 2003M), Sūrah al-Ṭalāq, ayat 6-7, vol. 4, 288.

<sup>36</sup> Muḥammad al-Amīn bin Muḥammad al-Shanqītī, *Adwa’ al-Bayān fī ‘Idah al-Qur’ān bi al-Qur’ān* (Lubnan: Dār al-Fikr lī al-Tiba’ah wa al-Nasyrī wa al-Tauzī’, 1415H / 1995M), vol. 8, 216; Abū Bakr Muḥammad bin ‘Abd Allah Ibn al-‘Arabī, *Aḥkām al-Qur’ān*, Sūrah al-Ṭalāq, ayat 6, 295.

Pemahaman daripada pengertian *ma'rūf* dalam penetapan kadar nafkah anak dan isteri dapat diringkaskan sepetimana berikut:

Jadual 1: Kriteria *Ma'rūf* dalam Nafkah Isteri dan Anak

Kriteria <i>Ma'rūf</i>	Nafkah Isteri	Nafkah Anak
1) Mengikut kemampuan suami/pembanya sahaja.	✓	✓
2) Mengikut kemampuan ibu dan bapa.	—	✓
3) Tidak memudaratkan pemberi atau penerima nafkah.	✓	✓
4) Mengambil kira kemampuan dan keperluan kedua-dua pihak tanpa kedekut ataupun membazir.	✓	✓
5) Memberi dan menerima dengan cara yang terbaik antara kedua-dua pihak.	✓	✓
6) Mengambil kira pandangan dan pertimbangan masyarakat setempat dan semasa.	✓	✓
7) Kadar tersebut berubah mengikut keperluan zaman dan tempat.	✓	✓
8) Melalui perbincangan yang baik dan disepakati.	✓	✓
9) Tidak mengurangi hak masing-masing.	✓	✓

Dalam Jadual 1 di atas, semua kriteria *ma'rūf* dalam penentuan kadar nafkah isteri dan anak adalah sama dan saling berkaitan, dengan sedikit tambahan tanggungjawab ibu dalam memastikan nafkah anaknya diberikan dengan cara terbaik dan mencukupi. Ini kerana tanggungjawab penyusuan adalah terletak pada ibu sepetimana yang dibincangkan oleh *mufassirīn* dan fuqaha, walaupun tidak menafikan tanggungjawab asal nafkah anak tetap tertanggung pada bapa.

### Penentuan Kadar *Kifāyah* Nafkah Isteri dan Anak

Meskipun bukanlah menjadi satu amalam bagi para ulama *salaf* dan *khalaq* menentukan kadar tertentu nafkah isteri namun ianya diperlukan apabila

terjadinya perbalahan dan tuntutan antara suami isteri.<sup>37</sup> Malahan, Muḥammad al-Namlah berpandangan menentukan kadar nafkah adalah wajib dan perlu mengikut ‘urf, masa dan tempat, apabila syarak tidak menentukan perkara tersebut.<sup>38</sup>

Imam Syafii dalam *qawl jadīd*-nya, menyatakan kadar nafkah isteri bagi suami yang miskin adalah 1 *mud* (*qiyās* kepada kafarah melakukan persetubuhan pada bulan Ramadan),<sup>39</sup> 2 *mud* bagi suami yang kaya (*qiyās* kepada perbuatan bergunting sebelum selesai haji)<sup>40</sup> dan 1½ *mud* bagi suami yang sederhana.<sup>41</sup> Walau bagaimanapun penentuan kadar nafkah isteri ini hanya diaplิกasikan dalam makanan asasi yang berasaskan bijirin sahaja dan tidak termasuk lauk-pauk. Menurut Imam Syafii, lauk-pauk ditentukan dengan kecukupan dan ‘urf isteri tersebut.<sup>42</sup>

Namun demikian pandangan ini dicanggah oleh kalangan fuqaha seperti Ibn Hummām,<sup>43</sup> Syeikh Nazzām<sup>44</sup> dan al-Nawawī,<sup>45</sup> atas alasan terdapat perbezaan hak ke atas hukum kafarah dan hukum nafkah. Kadar kafarah ditetapkan sebagai satu hak Allah sementara penetapan kadar nafkah adalah bagi hak manusia. Kafarah hanya dibayar dengan makanan asasi seperti beras, gandum

<sup>37</sup> Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Umar al-Shatīrī, *Sharah al-Yaqut al-Nafis fi Madhhāb Ibn Idrīs* (Arab Saudi: Dār al-Minhāj, 2nd edn., 2007), 668-667.

<sup>38</sup> ‘Abd Karīm bin ‘Alī bin Muḥammad al-Namlah, *Taysīr Masail al-Fīqh Sharah al-Rawdāt al-Marba*’ (Kaherah: Maktabah al-Rushd, 1st edn., 1427H/2006M), vol. 4, 675.

<sup>39</sup> 1 *mud* (1 cupak)

<sup>40</sup> Hadis Riwayat Imām Mālik dalam *Muwattā'*, Bāb Fidyah Man Halaqa qabl ‘an Yanhu, vol. 19, 174-176.

<sup>41</sup> Al-Shāfi‘ī, *al-Umm*, (ed. Maḥmūd Masrajī; Beirut: Dār Kutub al-‘Ilmīyyah, 2002), vol. 5, 128-129.

<sup>42</sup> Shams al-Dīn Muḥammad bin Abī al-‘Abbās al-Ramlī, *Nihāyah al-Muhtāj ilā Sharah al-Minhāj* (t.t.p: Maktabah Muṣṭafā Bāb al-Halabī, 1967), vol. 7, 191-193.

<sup>43</sup> Kamāl al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd Wāhid, Ibn Hummām, *Sharah Fatḥ Qādir ‘Alā Hidāyah: Sharah Bidāyah al-Mubtadī* (Mesir: Sharikah al-Muṣṭafā al-Bāb al-Halabī, n.d), vol. 4, 382.

<sup>44</sup> Nazzām, *al-Fatāwā al-Hindiyyah fi Madhhāb Imām Abī Hanifah* (t.t.p: Dār al-Fikr, 1991M/ 1411H), vol. 1, 570-571.

<sup>45</sup> Menurut Imām al-Nawawī kadar nafkah adalah tertakluk kepada ijtihad hakim (Muhyī al-Dīn Abī Zakāriā Yaḥyā bin Sharf al-Nawawī, *al-Majmū‘ Sharah al-Muhadhdhab* (Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salāfiyyah, n.d), vol. 18, 249.

atau kurma sedangkan nafkah isteri termasuk lauk dan seumpamanya.<sup>46</sup> Walau bagaimanapun, majoriti ulama al-Syafiiyah bersetuju bahawa itu merupakan sifat ijtihad daripada Imam Syafii yang patut diterima.<sup>47</sup>

Walaupun menegaskan bahawa nafkah isteri adalah berdasarkan *kifayahnya* dan tiada kadar yang tertentu, namun Imam Malik menentukan kadar minimum nafkah isteri ialah 1 *mud marwān* setiap hari tanpa mengambil kira hal keadaan suami.<sup>48</sup> Pandangan ini juga disokong oleh ulama Malikiyyah yang lain seperti Ibn Qāsim<sup>49</sup> dan Ibn Ḥabīb.<sup>50</sup> Walau bagaimanapun, kesemua kadar nafkah tersebut dibuat berdasarkan ijtihad ulama pada masa tersebut dan ia boleh berubah mengikut nilaikekayaan, kesenangan dan turun naik harga pasaran sepertimana pendapat Ibn Mawaz al-Mālikī.<sup>51</sup>

Al-Buhūtī<sup>52</sup> pula menyatakan walaupun kalangan ulama Hanbali berpendapat tidak ada ukuran tertentu untuk nafkah isteri, namun terdapat pandangan tentang kadar bagi makanan tertentu. Antaranya dua *raṭal* (رطلان) roti setiap hari untuk golongan kaya dan miskin, cuma yang membezakan

<sup>46</sup> ‘Abd Karīm bin ‘Alī bin Muḥammad al-Namlah, *Taysīr Masāīl al-Fīqh Sharāḥ al-Rawdī al-Marbā’*, 686.

<sup>47</sup> Lihat ‘Abd Mālik bin ‘Abd Allah bin Yūsuf al-Juwaynī, *Nihāyah al-Maṭlab fī Dirāyah al-Madhhāb* (ed. ‘Abd al-‘Azīz Maḥmud al-Dib; Jeddah: Dār al-Minhāj, 1st edn., 1428H/ 2008), vol. 15, 419; Shams al-Dīn Muḥammad bin Abī al-‘Abbās al-Ramlī, *Nihāyah al-Muhiṭā ilā Sharāḥ al-Minhāj*, 188; Abī Muḥammad Hūssayn bin Mas’ūd bin Muḥammad al-Fara’ al-Baghwī, *al-Tahzīb fī Fiqh Imām al-Shāfi’ī* (ed. ‘Ādil Aḥmad; Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997), vol. 6, 324-332; Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Umar al-Shatirī, *Sharāḥ al-Yaqut al-Nafīs fī Madhhāb Ibn Idrīs*, 668-667.

<sup>48</sup> 1 *mud marwān* bersamaan 1, 1/3 *mud* Nabi di Madinah. Dikatakan bahawa *mud marwān* adalah kadar pertengahan kenyang bagi orang-orang Mesir. (مد مروان وسط الشبع في الأمصار). Lihat Shihab al-Dīn Aḥmad bin Idrīs al-Qarafī, *al-Dhakhīrah* (ed. Muḥammad Bukhayzah; t.t.p: Dār al-Gharbī al-Islāmī, 1st edn., 1994), vol. 4, 466.

<sup>49</sup> 1 *waybah* bersamaan 22 *mud* Nabi SAW, jadi 1 bulan isteri mendapat antara 55-66 *mud* Nabi SAW (Lihat: Abī Muḥammad ‘Abd Allah bin ‘Abd Raḥman al-Qayrawanī, *al-Nawādir wa al-Ziyādat* (ed. Muḥammad Hajji; Beirut: Dār al-Gharbī al-Islāmī, 1999), vol. 4, 597).

<sup>50</sup> Abī Muḥammad ‘Abd Allah bin ‘Abd Raḥman al-Qayrawanī, *al-Nawādir wa al-Ziyādat*, 597.

<sup>51</sup> Abī Muḥammad ‘Abd Allah bin ‘Abd Raḥman al-Qayrawanī, *al-Nawādir wa al-Ziyādat*, 597.

<sup>52</sup> Mansūr bin Yūnus bin Idrīs al-Buhūtī, *Kashf al-Qinā’ ‘an Matan al-Iqnā’* (ed. Ibrāhīm Aḥmad ‘Abd Ḥamīd; Riyadh: Dār ‘Alīm al-Kutub, 2003M/ 1423H), vol. 7, 2813.

adalah sifat dan kualiti.<sup>53</sup> Orang yang kaya layak mendapat roti yang lebih baik (نعم), lauk-pauk, daging dan susu menurut kebiasaannya, sementara orang miskin pula layak mendapat roti yang agak kasar (خسکاً) dan makan daging pada kadar sebulan sekali.<sup>54</sup>

Secara kesimpulannya bolehlah dijelaskan bahawa kadar nafkah isteri yang dicadangkan oleh para ulama dilihat bertujuan memberi panduan kepada masyarakat bagi menyelesaikan perselisihan berkenaan penentuan kadar nafkah isteri pada masa tersebut. Tetapi ia tidaklah bermaksud agar kadar tersebut dijadikan panduan tetap dan tidak boleh berubah mengikut masa dan tempat. Justeru, kajian ini mendapati bahawa majoriti ulama bersetuju bahawa kadar *kifāyah* nafkah isteri dan anak boleh ditentukan terutamanya apabila berlaku perselisihan di antara suami dan isteri mengenai kadar nafkah atau terdapatnya keperluan-keperluan lain dalam menentukan kadar tersebut. Walau bagaimanapun, dalam menyelesaikan persoalan semasa, kajian ini lebih mengutarakan untuk mengkaji dan menggunakan istilah ‘kriteria *kifāyah*’ berbanding istilah yang dibincangkan oleh para ulama iaitu ‘kadar *kifāyah*’. Ini kerana kriteria lebih luas, menerima dan mencakupi pelbagai aspek, berbanding istilah kadar yang mungkin akan menimbulkan ketidakselesaan pada sesetengah pihak sepertimana yang telah dibincangkan sebelum ini.

### Kaedah Penetapan Kriteria *Kifāyah* Nafkah Isteri

Penegasan Rasulullah SAW terhadap Hindu supaya mengambil apa yang mencukupi bagi dirinya dan anaknya ketika Hindu mengadu tentang kebakilan Abū Sufyan menunjukkan bahawa nafkah isteri perlu disempurnakan secara *kifāyah*. Secara umumnya, kecukupan (*kifāyah*) seorang isteri itu akan dipengaruhi oleh latar belakang sosioekonominya. Begitu pun, setiap isteri memerlukan keperluan asas yang sama iaitu makanan yang seimbang, pakaian yang menutupi aurat, rumah yang selesa serta keperluan-keperluan lain seperti perubatan, pengangkutan dan perhubungan. Ini kerana ianya merupakan perkara asas yang perlu ada pada setiap manusia.

Abū Ḥanīfah dan Muḥammad berpendapat, kecukupan (*kifāyah*) paling minima nafkah isteri adalah mengikut kadar nafkah yang memenuhi keperluan isteri yang miskin. Kalangan fuqaha Hanafiyyah juga menyokong pandangan ini dan berpendapat seorang suami yang kaya wajib membayai nafkah pembantu (*khadām*) isterinya mengikut kadar yang wajib diberikan oleh suami

<sup>53</sup> Manṣūr bin Yūnus bin Idrīs al-Buhūtī, *Kashf al-Qinā'* ‘an Matan al-Iqnā’, 2813.

<sup>54</sup> Manṣūr bin Yūnus bin Idrīs al-Buhūtī, *Kashf al-Qinā'* ‘an Matan al-Iqnā’, 2814-2815.

yang miskin kerana kadar tersebut merupakan serendah-rendah *kifāyah nafkah isteri*.<sup>55</sup>

Kalangan ulama Hanabilah seperti al-Buhūtī juga berpandangan bahawa apabila suami telah mampu menyediakan nafkah isterinya walaupun hanya makanan asasi sehari-hari, maka suami tersebut dianggap telah menyempurnakan nafkah isterinya yang wajib, tidak memudaratkannya dan telah memenuhi *kifāyah nafkah isteri*.<sup>56</sup>

Kriteria *kifāyah* yang paling minima untuk nafkah isteri tidak mustahil untuk ditentukan kerana semua manusia mempunyai keperluan asas yang sama. Oleh itu, penetapan kriteria nafkah isteri sekurang-kurangnya pada tahap *kifāyahnya* yang paling minima yang diistilahkan oleh Imām Abū Ḥanīfah dan Muḥammad sebagai keperluan asas ('*adnā al-kifāyah*)<sup>57</sup> sangat penting untuk dipastikan bagi menjamin keperluan asas isteri dipenuhi. Oleh kerana itulah syarak membenarkan isteri untuk memohon *fasakh* sekiranya kecukupan nafkah asas ini (selepas ini diistilahkan sebagai *kifāyah 'adnā*) tidak mampu dipenuhi oleh suami. Ini kerana kegagalan memenuhi *kifāyah 'adnā* isteri mampu memudaratkan diri isteri tersebut.<sup>58</sup>

Asas kepada penentuan kriteria nafkah isteri yang berasaskan sosioekonomi suami dan meraikan *kifāyah 'adnā nafkah isteri* adalah seperti berikut:

- i. Sekiranya suami tersebut kaya, sederhana ataupun miskin, maka kadar nafkah isteri adalah mengikut kemampuan sosioekonomi suami;
- ii. Walau bagaimanapun, sekiranya suami terlalu miskin sehingga ke tahap fakir, iaitu tidak mampu menyediakan keperluan asas (*kifāyah 'adnā*) nafkah isterinya sehari-hari, kadar yang wajib diberikan oleh suami mestilah tidak boleh mengurangi kadar *kifāyah 'adnā* isterinya.

Untuk tujuan perbincangan, andaikan bahawa *kifāyah 'adnā* isteri adalah RM100 tetapi suami hanya berkemampuan di bawah kadar RM100. Graf di bawah menunjukkan, kadar nafkah isteri perlulah memenuhi sekurang-kurangnya *kifāyah 'adnā*nya walaupun suami hanya berkemampuan memberi nafkah di bawah RM100, di mana ini boleh memudaratkan keperluan asas isteri.


<sup>55</sup> (إِنَّ الْزَوْجَ الْمُؤْسِرَ يَلْزَمُهُ مِنْ نَفْقَةِ الْخَادِمِ مَا يَلْزَمُ الْمَعْسَرَ مِنْ نَفْقَةِ امْرَأَتِهِ وَهُوَ أَدْنَى الْكَفَايَةِ) Lihat Nazzam, *al-Fatāwā al-Hindiyah fī Madhhab Imām Abī Ḥanīfah*, 570.

<sup>56</sup> Manṣūr bin Yūnus bin Idrīs al-Buhūtī, *Kashf al-Qinā' 'an Matan al-Iqnā'*, 2829.

<sup>57</sup> Nazzam, *al-Fatāwā al-Hindiyah fī Madhhab Imām Abī Ḥanīfah*, 570.

<sup>58</sup> Manṣūr bin Yūnus bin Idrīs al-Buhūtī, *Kasyf al-Qinā' 'an Matan al-Iqnā'*, 2828-2829.

Graf 1: Ilustrasi Kadar Nafkah Isteri Mengikut Kemampuan Suami vs Kadar Nafkah Isteri Mengikut Kemampuan Suami dan Mengambil Kira *Kifāyah ‘adnā* Isteri.



Implikasi penaksiran nafkah isteri dengan *kifāyah ‘adnā*:

- Menjamin hak nafkah isteri terjamin walaupun suami tersebut seorang yang sangat miskin. Apabila seorang perempuan kaya berkahwin dengan seorang suami yang miskin, tidak bermakna bahawa kecukupan isteri tersebut dinafikan terus. Suami perlu sekurang-kurangnya memberikan kadar *kifāyah ‘adnā* nafkah isterinya dan isteri boleh menuntut *fasakh* sekiranya *kifāyah ‘adnā*-nya tidak dapat dipenuhi oleh suami.
- Mengurangkan perselisihan dan ketidakpuasan hati oleh pihak-pihak yang terlibat. Ini kerana *kifāyah ‘adnā* adalah sesuatu yang boleh dimaklumi oleh mana-mana pihak pada bila-bila masa. Oleh yang demikian, hal tersebut akan memudahkan hakim membuat keputusan penaksiran nafkah isteri dan memuaskan hati semua pihak.
- Memudahkan pengiraan kes nafkah tertunggak, kerana jumlah nafkah mudah diketahui dengan menjumlahkan kadar *kifāyah ‘adnā* nafkah isteri kepada tempoh masa tunggakan.
- Menjamin hak suami dalam pemberian nafkah. Ini kerana apabila suami telah mampu memberikan kadar *kifāyah ‘adnā*, maka isteri tidak berhak untuk meminta *fasakh*. Isteri juga akan lebih redha dengan nafkah yang diterimanya dan akan mengurangkan kes tuntutan perceraian disebabkan ketidakcukupan jumlah nafkah yang diterima.

### Kaedah Penetapan Kriteria *Kifāyah* Nafkah Anak

Berdasarkan hadis Hindun,<sup>59</sup> al-Juwainī menghuraikan bahawa maksud *kifāyah* nafkah anak ialah memberikan kadar dan keperluan nafkah yang boleh


<sup>59</sup> Rujuk hadis Hindun.

menguatkan badan tersebut sehingga dapat menjauhkan kemudaratan daripadanya pada waktu semasa dan terkehadapan.<sup>60</sup> Huraian ini terangkum dalam aspek nafkah makanan dan bukan makanan, seperti penempatan, pakaian, perubatan, pendidikan dan kemahiran. Ini kerana perkara ini diperlukan untuk mengelakkan kemudaratan pada waktu semasa dan terkehadapan.

Sepertimana yang dijelaskan dalam bahagian nafkah isteri, penetapan *kifāyah ‘adnā* tidaklah menghalang seseorang anak daripada mendapat nafkah yang lebih jika bapanya mampu. Ini berdasarkan prinsip asas di mana seorang bapa memberi makan dan pakai kepada ahli keluarganya mengikut piawai apa yang dimakan dan dipakainya sendiri. Ia juga sebagai bukti sebaik-baik pergaulan kepada ahli keluarganya. Namun, sekiranya bapa tersebut miskin sehingga ke tahap fakir serta gagal menyediakan keperluan asas yang diperlukan oleh anaknya, *kifāyah ‘adnā* anak tersebut tetap perlu dipenuhi walaupun dengan cara bantuan daripada pihak yang ketiga (pihak selain daripada anak dan bapa itu). Ini kerana *kifāyah ‘adnā* adalah jaminan keperluan kepada anak tersebut untuk membesar dan hidup dengan sempurna. *Kifāyah ‘adnā* juga dapat menjamin tuntutan *maqāṣid shari‘ah* dalam menjaga nyawa, akal, agama, harta dan keturunan direalisasikan.

Graf 2 menunjukkan kadar nafkah anak perlu mengikut *kifāyah ‘adnā*nya sekiranya kemampuan bapa boleh memudarangkan keperluan asas anak tersebut. Andaikan RM100 merupakan *kifāyah ‘adnā* nafkah anak dan kadar pemberian nafkah mestilah tidak kurang daripada kadar *kifāyah ‘adnā* anak walaupun ayah/pembayaran tidak berkemampuan.

Graf 2: Ilustrasi Kadar Nafkah Anak Mengikut Kemampuan Bapa vs Kadar Nafkah Anak Mengikut Kemampuan Bapa Dan Mengambil Kira *Kifāyah ‘adnā* Anak.



<sup>60</sup> ‘Abd Mālik bin ‘Abd Allah bin Yūsuf al-Juwaynī, *Nihāyah al-Maṭlab fī Dirāyah al-Madhab*, 515.

## Aplikasi Penaksiran Nafkah Isteri dan Anak Berdasarkan *Kifayah* ‘*adnā*’

Pengaplikasian penaksiran dengan berpandukan *kifayah* ‘*adnā*’ tidaklah bermaksud nafkah isteri dan anak mesti diberi pada kadar yang paling minima, kerana penaksiran tersebut hanya dibuat berdasarkan pertimbangan ke atas status sosioekonomi dan kemampuan suami atau bapa iaitu;

- i. Sekiranya suami seorang yang kaya, maka isteri dan anak berhak untuk mendapat nafkah selayaknya sepertimana status suaminya yang kaya.
- ii. Jika keperluan isteri dan anak berbanding pendapatan dan kemampuan suami itu adalah di bawah *kifayah* ‘*adnā*’, maka dalam hal nafkah isteri, maka pilihan perlu diberi kepada suami dan isteri tersebut sama ada:
  - a. Suami berusaha dengan lebih keras untuk mencari rezeki sehingga dia mampu untuk membiayai sekurang-kurangnya *kifayah* ‘*adnā*’ isterinya.
  - b. Isteri boleh bersabar dengan menerima nafkah di bawah kadar *kifayah* ‘*adnā*’ sehingga suami mampu menyempurnakan nafkahnya.
  - c. Sekiranya isteri sudah tidak dapat bersabar lagi ataupun tidak mahu menerima nafkah di bawah kadar *kifayah* ‘*adnā*’, isteri boleh meminta *fasakh*.

Dalam hal nafkah anak:

- i. Bapa berusaha dengan lebih keras untuk mencari rezeki sehingga dia mampu untuk membiayai sekurang-kurangnya *kifayah* ‘*adnā*’ anaknya.
- ii. Sekiranya bapa gagal, pihak ketiga iaitu waris kepada anak tersebut atau mana-mana badan kerajaan yang berkaitan perlu membantu memenuhi kadar *kifayah* ‘*adnā*’ nafkah anak tersebut dengan memberi hutang kepada si bapa dan pembayaran dibuat setelah bapa tersebut mampu.
- iii. Sekiranya bapa telah hilang upaya dan sakit yang tidak berpotensi untuk sembuh, maka waris anak tersebut boleh diperintahkan oleh mahkamah untuk membiayai nafkah anak itu sehingga memenuhi *kifayah* ‘*adnā*’-nya.
- iv. Jika waris kepada anak tersebut tidak mampu, hilang upaya atau tidak dapat dikesan, maka pihak kerajaan daripada bahagian baitulmal dan juga badan-badan yang bertanggungjawab perlu membiayai nafkah anak tersebut sehingga mencukupi *kifayah* ‘*adnā*’-nya.

Kesimpulan perbincangan penetapan kriteria *kifayah* dan *ma'rūf* nafkah isteri dan anak dapat diringkaskan dalam jadual berikut:


Jadual 2: Kriteria *Ma'rūf* dan *Kifāyah* dalam Penentuan Nafkah Isteri dan Anak

Kriteria	Nafkah Isteri	Nafkah Anak
<b>Kriteria <i>Ma'rūf</i></b>		
1) Mengikut kemampuan suami/pembimbing sahaja.	✓	✓
2) Mengikut kemampuan ibu dan ayah.	—	✓
3) Tidak memudaratkan pemberi atau penerima nafkah.	✓	✓
4) Mengambil kira kemampuan dan keperluan kedua-dua pihak tanpa kedekut ataupun membazir.	✓	✓
5) Memberi dan menerima dengan cara yang terbaik antara kedua-dua pihak.	✓	✓
6) Mengambil kira pandangan dan pertimbangan masyarakat setempat dan semasa.	✓	✓
7) Kadar tersebut boleh berubah mengikut keperluan, masa dan tempat.	✓	✓
8) Kadar ditentukan melalui perbincangan yang baik dan disepakati.	✓	✓
9) Tidak mengurangi hak masing-masing.	✓	✓
<b>Kriteria <i>Kifāyah</i></b>		
1) Tidak mengurangi <i>kifāyah 'adnā</i> (kecukupan yang paling minima).	✓	✓

#### **Kriteria Penaksiran *Kifāyah* dan *Ma'rūf* Nafkah Isteri dan Anak dalam Amalan Penghakiman di Malaysia**

Hasil daripada temubual yang telah dijalankan dalam kajian ini, terdapat tujuh aspek yang diberi penekanan oleh para hakim dalam menimbangkan kadar nafkah isteri dan anak yang memenuhi kriteria *kifāyah* dan *ma'rūf*. Aspek-aspek tersebut adalah seperti Rajah 1 berikut:

Rajah 1: Kriteria Penaksiran *Kifāyah* dan *Ma'rūf* Nafkah Isteri dan Anak dalam Amalan Penghakiman di Malaysia



### 1. Melihat keperluan asas isteri dan anak

Penaksiran nafkah isteri dan anak dilakukan dengan terlebih dahulu melihat kepada keperluan mereka yang asas atau *darūriyat*. Setelah itu keperluan-keperluan kehidupan yang lain dalam kategori *hajiyat* dan *tahsiniyyat* boleh dipertimbangkan sekiranya suami atau bapa masih mampu menanggung keperluan-keperluan tersebut. Perkara ini boleh difahami daripada kenyataan Tuan Kamarulzaman bin Ali iaitu:

*“Mahkamah akan keluar satu jumlah yang terbaik bagi pihak-pihak dan menepati kecukupan asas atau darurat. Dan mampu jaga lima maqāṣid sharīah. Yang lebih daripada itu adalah ikhtiar sendiri.”<sup>61</sup>*

Kecukupan atau nafkah asas yang dipertimbangkan adalah seperti keperluan makanan, pakaian, tempat tinggal dan perubatan sepertimana juga yang dinyatakan oleh Tuan Wan Mahyuddin Wan Muhammad:

<sup>61</sup> Temubual bersama Tuan Kamarulzaman bin Ali, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Gombak Barat, Selangor, 29 Mei 2012.

*“Nafkah yang baik dan cukup bergantung pada maslahah, iaitu dilihat pada darūriyyat atau keperluan asasi isteri. Ada setengahnya, bil astro pun nak claim, maka tidak boleh dituntut. Nafkah yang dilihat dan dipertimbangkan ini adalah seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan perubatan.”<sup>62</sup>*

Keempat-empat item nafkah ini merupakan item nafkah yang didahulukan daripada item-item nafkah yang lain dalam penghakiman para hakim. Hakim-hakim juga bersetuju bahawa keperluan terhadap item-item ini tetap diberikan haknya oleh hakim walaupun pihak yang menuntut (isteri) gagal untuk membuktikan keperluan tersebut.<sup>63</sup>

*“Setiap pihak yang mendakwa perlu bukti. Jika tak dapat, tak berjaya buktikan, mahkamah tidak akan terus tolak jugak. Empat benda mestilah selalunya akan bagi iaitu makanan, tempat tinggal, pakaian dan perubatan. Mahkamah yang akan letak kadar secara minima dan wajar. Di situlah mahkamah akan letak berapa yang wajar.”<sup>64</sup>*

Walau bagaimanapun, menurut Yang Arif Tuan Amran Mat Zin bagi keperluan perubatan, isteri masih perlu membuktikan bahawa ianya merupakan keperluannya yang penting, seperti seorang isteri yang sakit asma, dia perlulah mengemukakan bukti daripada pihak hospital mengenai penyakitnya dan ubat yang diperlukan supaya hal tersebut dapat menjadi bukti keperluannya yang asas ataupun *darūri*.<sup>65</sup> Ini juga termasuk penyakit isteri yang telah dimaklumi oleh suami sebelum perkahwinan dengan isteri tersebut, sepermulaan menurut Tuan Shaiful Azli bin Jamaludin:

*“Lihat pada hukum syarak untuk (keperluan) yang paling basic. Tapi lihat juga keperluan isteri, cara hidup dia yang dulu, juga diambil kira. Contoh penyakit yang memang suami tahu ada, suami yang akan tanggung juga.”<sup>66</sup>*

<sup>62</sup> Temubual bersama Tuan Wan Mahyuddin Wan Muhammad, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya, Selangor, 31 Januari 2012.

<sup>63</sup> Temubual bersama Tuan Kamarulzaman bin Ali, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Gombak Barat, Selangor, 29 Mei 2012; Temubual bersama Tuan Wan Mahyuddin Wan Muhammad, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya, Selangor, 31 Januari 2012; Temubual bersama Yang Arif Tuan Fauzi Mokhtar, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, Selangor, 28 Mac 2012.

<sup>64</sup> Temubual bersama Tuan Kamarulzaman bin Ali, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Gombak Barat, Selangor, 29 Mei 2012.

<sup>65</sup> Temubual bersama Yang Arif Tuan Amran Mat Zin, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, 9 April 2012.

<sup>66</sup> Temubual bersama Tuan Shaiful Azli bin Jamaludin, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur, Selangor, 27 Mac 2012.

Bagi item-item keperluan nafkah anak pula, keempat-empat item ini diberi pertimbangan prioriti, iaitu makanan, pakaian, tempat tinggal dan perubatan termasuk penambahan satu item semasa yang menjadi keperluan asas anak iaitu pendidikan. Berbeza dengan item-item nafkah isteri, keempat-empat item ini telah dinyatakan secara jelas dalam teks perundangan undang-undang nafkah anak melalui Seksyen 72 Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 iaitu:<sup>67</sup>

*Kewajipan menanggung nafkah anak: (1) Kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan, dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.*

Pentaksiran para hakim dengan melihat keperluan *darūriyyat* isteri dan anak merupakan salah satu pemenuhan kriteria *kifayah* nafkah isteri dan anak, iaitu dengan berdasarkan *kifayah 'adnā* mereka. Ianya juga meraikan *maqāṣid al-shari'ah* dan *fīqh al-awlawiyat* yang menekankan penjagaan lima asas kepentingan manusia iaitu agama, nyawa, akal, harta dan maruah serta menekankan keperluan manusia yang bermula dari perkara-perkara *darūriyyat*.

## 2. Menimbangkan keadaan pihak-pihak terlibat

Penentuan kadar nafkah mengambil kira hal keadaan dan kepentingan kedua-dua belah pihak iaitu penuntut dan pembiaya dengan mempertimbangkan kehendak dan kemampuan pihak-pihak. Kebiasaannya hakim akan meminta pihak yang menuntut menyenaraikan keperluannya, diikuti pembiaya menyatakan kemampuannya. Hakim akan membuat satu penawaran kepada pihak-pihak sehingga satu jumlah kadar nafkah dicapai dan diputuskan dalam perbicaraan tersebut.<sup>68</sup>

<sup>67</sup> Seksyen 72. Kewajipan menanggung nafkah anak, Bahagian VI - Nafkah Isteri, Anak Dan Lain-Lain (Akta 303), Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, [http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal\\_Updated.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/981698d6ff64160c48256fd5002345b0?OpenDocument](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal_Updated.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/981698d6ff64160c48256fd5002345b0?OpenDocument), Julai 2013.

<sup>68</sup> Tuan Shaiful Azli bin Jamaludin (Hakim Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur, Selangor), dalam temubual dengan penulis, 27 Mac 2012.

Menurut Yang Arif Tuan Hj Walid Abu Hassan, terdapat kes apabila tuntutan dibuat, pihak plaintiff hanya meletakkan amaun tertentu yang kurang munasabah kerana tidak bertepatan dengan keperluan sebenar. Misalnya plaintiff (penuntut) meletakkan satu jumlah *lumpsum (total)* yang dikehendaki, RM1500 sebulan untuk nafkah anak, kemudian, apabila jumlah tersebut diminta untuk diperincikan, didapati jumlah sebenar keperluan anak plaintiff tidaklah mencapai sehingga RM1500 sebulan. Sekiranya mahkamah hanya mengikut tuntutan plaintiff tanpa memperhalusi keperluan sebenar, maka ini boleh menganiayai pihak defendant (pembayaran) kerana tuntutan yang dibuat adalah tidak bertepatan dengan keperluan sebenar yang perlu ditanggung oleh beliau.<sup>69</sup>

Yang Arif Tuan Zainor Rasyid juga berpendapat bahawa timbal balik antara kemampuan suami dan kehendak plaintiff serta anak-anak perlu diseimbangkan. Misalnya tuntutan perlulah bersesuaian dengan keperluan sebenar plaintiff dan anak-anak serta mengikut taraf sosioekonomi mereka. Misalnya pemilihan sama ada untuk memberikan anak tuisyen, menghantar ke institusi pendidikan swasta ataupun kerajaan, atau pemilihan makanan seperti selalu berkunjung ke restoran makanan mewah dan sebagainya perlulah bergantung kepada keperluan sebenar anak, melihat ‘urf masyarakat yang sama sosioekonomi dengan taraf kehidupan defendant dan juga melihat kemampuan sebenar defendant.<sup>70</sup>

Menurut Yang Arif Tuan Zainor lagi, mempertimbangkan pihak isteri pula adalah misalnya hakim perlu menyiasat dengan teliti dan cermat, tanpa menolak terus permohonan tuntutan nafkah isteri yang difailkan kepada suami yang sakit atau hilang keupayaan bekerja. Ini kerana boleh terjadinya penipuan dari pihak defendant dari sudut status kesihatan, ataupun sekiranya benar defendant sakit atau hilang keupayaan, adakah sebenarnya defendant boleh terus bebas daripada tanggungjawab membayar nafkah? Ataupun mungkin terdapat aset-aset defendant yang boleh digunakan bagi membayar nafkah plaintiff dan anak-anak.<sup>71</sup>

Menimbangkan keadaan kedua-dua pihak merupakan manifestasi dari maksud *ma'rūf* yang difahami daripada nas-nas Qur'an dan hadith Hindu sepetimana yang telah dibincangkan oleh ulama.

<sup>69</sup> Temubual bersama Yang Arif Tuan Hj Walid Abu Hassan, Hakim Mahkamah Tinggi Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, 7 Mei 2012.

<sup>70</sup> Temubual bersama Yang Arif Tuan Zainor Rasyid, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, Selangor, 24 Mac 2012.

<sup>71</sup> Temubual bersama Yang Arif Tuan Zainor Rasyid, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, Selangor, 24 Mac 2012.

### 3. Pertimbangan yang terperinci terhadap tuntutan yang dibuat

Majoriti hakim yang ditemubual memulakan penghakiman pentaksiran kadar nafkah dengan melihat tuntutan plaintif (isteri) pada prosiding atau afidavit tuntutan, dengan melihat item-item nafkah dan amaun tuntutan yang dikemukakan oleh plaintif.<sup>72</sup> Hakim-hakim kemudiannya akan mengenalpasti keperluan asas isteri, yang boleh dikategorikan sebagai *darūriyyat*,<sup>73</sup> kemudian mengenal pasti keperluan-keperluan lain (bukan asas) yang termasuk dalam klasifikasi *hajiyat* dan *taḥṣiniyyat*.<sup>74</sup> Pertimbangan pertama akan diberikan pada keperluan *darūriyyat* atau asas kemudian diikuti dengan mempertimbangkan keperluan-keperluan lain selain keperluan asas.<sup>75</sup> Dari segi pembuktian pula, ianya kurang ditekankan dalam item-item keperluan asas isteri dan anak berbanding item-item bukan asas yang lain, seperti mana yang turut dijelaskan oleh Tuan Kamarulzaman bin Ali:

*“Tugas mahkamah duduk di tengah-tengah dan lihat bagaimana pihak-pihak membuktikan. Jika taḥṣiniyyat pihak mahkamah*

<sup>72</sup> Temubual bersama Tuan Kamarulzaman bin Ali, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Gombak Barat, Selangor, 29 Mei 2012; Temubual bersama Tuan Drs Atras bin Mohamad Zin, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat, Selangor, 23 April 2012; Temubual bersama Tuan Wan Mahyuddin Wan Muhammad, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya, Selangor, 31 Januari 2012; Temubual bersama Yang Arif Tuan Hj Walid Abu Hassan, Hakim Mahkamah Tinggi Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, 7 Mei 2012; Temubual bersama Yang Arif Tuan Zainor Rasyid, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, Selangor, 24 Mac 2012.

<sup>73</sup> Temubual bersama Tuan Kamarulzaman bin Ali, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Gombak Barat, Selangor, 29 Mei 2012; Temubual bersama Yang Arif Tuan Zainor Rasyid, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, Selangor, 24 Mac 2012.

<sup>74</sup> Temubual bersama Yang Arif Tuan Hj Walid Abu Hassan, Hakim Mahkamah Tinggi Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, 7 Mei 2012; Temubual bersama Tuan Drs Atras bin Mohamad Zin, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat, Selangor, 23 April 2012; Temubual bersama Tuan Wan Mahyuddin Wan Muhammad, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya, Selangor, 31 Januari 2012; Temubual bersama Yang Arif Tuan Hj Walid Abu Hassan, Hakim Mahkamah Tinggi Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, 7 Mei 2012; Temubual bersama Yang Arif Tuan Zainor Rasyid, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, Selangor, 24 Mac 2012.

<sup>75</sup> Temubual bersama Tuan Kamarulzaman bin Ali, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Gombak Barat, Selangor, 29 Mei 2012; Temubual bersama Tuan Drs Atras bin Mohamad Zin, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat, Selangor, 23 April 2012; Temubual bersama Tuan Wan Mahyuddin Wan Muhammad, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya, Selangor, 31 Januari 2012; Temubual bersama Yang Arif Tuan Hj Walid Abu Hassan, Hakim Mahkamah Tinggi Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, 7 Mei 2012; Temubual bersama Yang Arif Tuan Zainor Rasyid, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, Selangor, 24 Mac 2012.

*akan tolak tepi dulu. Mahkamah akan asingkan dulu yang mana darūriy, hajiy dan jugak tāhsiniy. Dah berpuas hati bahawa keperluan-keperluan tersebut adalah perlu, 'then next stage' adalah pentaksiran yang perlu diberikan. Pada keperluan asasi yang tidak dibuktikan, mahkamah akan dibiarkan bersendirian untuk difikirkan ditimbangkan kadar yang wajar.”<sup>76</sup>*

Hakim-hakim juga akan mengenalpasti sama ada nafkah yang dituntut merupakan nafkah semasa, ‘iddah atau tertunggak.<sup>77</sup> Walaupun menurut Yang Arif Tuan Hj Walid Abu Hassan, nafkah semasa boleh dikatakan hampir tidak membawa banyak perbezaan dengan nafkah ‘iddah kerana isteri yang masih dalam ‘iddah perceraian masih dihukumkan isteri kepada defandan, namun masih terdapat faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan terutamanya apabila defandan telah berkahwin lain dan telah mempunyai tanggungan baru.<sup>78</sup>

Pertimbangan yang terperinci terhadap tuntutan yang dibuat memenuhi kriteria *kifāyah* dan *ma’rūf* dalam nafkah isteri dan anak kerana meraikan keperluan pihak-pihak secara wajar dan juga meneliti kemampuan sebenar pembiaya bagi menampung keperluan-keperluan tersebut.

#### 4. Pembiaya nafkah memberi nafkah mengikut kualiti kehidupannya

Isteri dan anak-anak wajar menerima kadar nafkah yang sama dengan kualiti kehidupan atau sosiekonomi pembiaya dari segi kualiti makanan, pakaian dan tempat tinggal. Ini merupakan maksud *kifāyah* yang dijelaskan oleh Yang Arif Tuan Hj Walid Abu Hassan iaitu *kifāyah* dalam pengertian kadar nafkah adalah menetapkan satu amaun yang munasabah dengan melihat kepada status sosioekonomi pihak-pihak. Misalnya bagi orang berpendapatan rendah, kadar nafkah yang dipertimbangkan adalah dengan melihat keperluan-keperluan *darūriyyat* (asas) pihak-pihak sahaja, sementara bagi golongan berpendapatan sederhana, keperluan yang diambil kira boleh melibatkan keperluan di peringkat *hajiyat* (kehendak), sementara bagi golongan yang berpendapatan tinggi, keperluan sampingan yang termasuk dalam perkara-perkara *tāhsiniyyat* mungkin boleh dipertimbangkan oleh hakim:

<sup>76</sup> Temubual bersama Tuan Kamarulzaman bin Ali, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Gombak Barat, Selangor, 29 Mei 2012.

<sup>77</sup> Temubual bersama Yang Arif Tuan Hj Walid Abu Hassan, Hakim Mahkamah Tinggi Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, 7 Mei 2012; Temubual bersama Tuan Drs Atras bin Mohamad Zin, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat, Selangor, 23 April 2012.

<sup>78</sup> Temubual bersama Yang Arif Tuan Hj Walid Abu Hassan, Hakim Mahkamah Tinggi Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, 7 Mei 2012.

*“Jika orang miskin ambil darūriyyat. Jika orang sederhana ambil ḥajiyat. Jika kaya ambil taḥsiniyyat mungkin boleh dipertimbangkan.”<sup>79</sup>*

Ini bermaksud semakin tinggi kemampuan pembiaya, semakin tinggi pula pertimbangan keperluan (*kifāyah*) isteri dan anak-anak dipertimbangkan oleh para hakim. Mentaksirkan keperluan nafkah mengikut kualiti dan sosioekonomi pembiaya merupakan kriteria *ma'rūf* dalam penaksiran nafkah sepetimana yang telah diutarakan oleh ulama.

##### 5. Merujuk kepada ‘urf (kebiasaan) masyarakat dalam pemberian nafkah dan harga pasaran semasa

Antara pertimbangan hakim dalam pentaksiran nafkah isteri dan anak adalah ‘urf masyarakat dan harga pasaran semasa. Kedua-dua maklumat ini termasuk ilmu penghakiman (*al-qada’*) yang perlu ada pada seorang hakim.<sup>80</sup> Ilmu falak adalah antara ilmu yang perlu dikuasai oleh seorang hakim bagi mengetahui ‘urf masyarakat dan keadaan pasaran semasa kerana ianya berkaitan dengan keadaan cuaca dan musim yang mempengaruhi pekerjaan rakyat dan pengeluaran sesebuah negara.<sup>81</sup>

Harga pasaran semasa item keperluan nafkah seperti harga susu anak pelbagai jenis seperti *Dugro* dan *Annum*, hal yang berkaitan dengan pendidikan anak seperti harga pakaian sekolah dan yuran persekolahan adalah item-item penting yang perlu diketahui oleh seorang hakim bagi mengelakkan hakim cuba ditipu atau disembunyikan fakta sebenar. Menurut beberapa orang hakim yang ditemubual, bagi mengetahui hal ini, hakim selalunya akan membuat siasatan sendiri dan akan dibantu oleh pembantu penyelidik bagi hakim yang berada di mahkamah tinggi. Hakim juga akan menggunakan pengalaman peribadinya seperti membandingkan kebiasaan masyarakat di sekeliling beliau atau ahli keluarganya sendiri dalam amalan pemakanan, pemakaian dan persekolahan bagi menilai semua tuntutan yang dikemukakan.<sup>82</sup>

<sup>79</sup> Temubual bersama Yang Arif Tuan Hj Walid Abu Hassan, Hakim Mahkamah Tinggi Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, 7 Mei 2012.

<sup>80</sup> Temubual bersama Tuan Wan Mahyuddin Wan Muhammad, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya, Selangor, 31 Januari 2012; Temubual bersama Yang Arif Tuan Hj Walid Abu Hassan, Hakim Mahkamah Tinggi Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, 7 Mei 2012.

<sup>81</sup> Temubual bersama Yang Arif Tuan Hj Walid Abu Hassan, Hakim Mahkamah Tinggi Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, 7 Mei 2012.

<sup>82</sup> Temubual bersama Yang Arif Tuan Hj Walid Abu Hassan, Hakim Mahkamah Tinggi Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, 7 Mei 2012; Temubual bersama Tuan Wan Mahyuddin Wan Muhammad, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya, Selangor, 31 Januari 2012.

Pentaksiran nafkah dengan merujuk kepada ‘urf kebiasaan masyarakat dan harga pasaran semasa item keperluan nafkah adalah memenuhi maksud *ma’rūf* yang telah dibincangkan oleh ulama.

## 6. Melihat kepada kemampuan sebenar pembiaya nafkah

Hakim menilai kemampuan sebenar pembiaya nafkah apabila pentaksiran nafkah ingin dilakukan. Kemampuan sebenar pembiaya adalah kemampuannya untuk menanggung nafkah. Ia merangkumi tahap kesihatan, tahap kebebasan bergerak, tahap kebebasan menjana pendapatan serta liabilitinya seperti hutang dan tanggungan. Ini dijelaskan oleh Yang Arif Tuan Amran Mat Zin, iaitu:

*“Kemampuan; Selagi mana dia makan, orang bawah tanggungan dia kena makan. Bila (nafkah) bayar kurang, jadi tunggakan, hutang. Kemampuan bukan atas pernyataan dia (defendant), tapi mahkamah akan lihat; Sihat tubuh badan, tidak ada halangan pergerakan, tidak ada halangan pemilikan aset, jika asas (kemampuan) boleh, maka dia boleh menjana potensi untuk dia bagi makan anak-anak dan isteri dia.”*<sup>83</sup>

Tuan Wan Mahyuddin Wan Muhammad turut menjelaskan bahawa kemampuan ini dilihat dalam dua aspek iaitu fizikal dan material. Dari sudut fizikal, seorang suami dikatakan mampu menyediakan nafkah selagi mana keadaan tubuh badan dan kesihatannya tidak terhalang dalam menyedia dan mencari nafkah buat keluarganya. Seseorang yang tidak mempunyai pekerjaan seperti penganggur ataupun pekerja yang diberhentikan kerja kedua-duanya masih dikategorikan sebagai mampu dan bertanggungjawab menyediakan nafkah buat keluarganya selagimana kesihatan tubuh badan mereka mengizinkan dan mereka boleh diarahkan berkerja oleh hakim.<sup>84</sup>

Turut ditegaskan oleh Tuan Kamarulzaman bin Ali, bahawa mahkamah tidak akan menerima alasan bapa atau defendant tidak mampu menyediakan nafkah untuk isteri dan anak-anaknya selagimana mahkamah mendapati bapa tersebut seorang yang sihat.<sup>85</sup>

Pentaksiran nafkah oleh hakim-hakim dengan melihat dan menilai kemampuan sebenar pembiaya merupakan salah satu aspek dalam pertimbangan kriteria *ma’rūf* sepertimana yang telah dibahaskan oleh ulama.

<sup>83</sup> Temubual bersama Yang Arif Tuan Amran Mat Zin, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, 9 April 2012.

<sup>84</sup> Temubual bersama Tuan Wan Mahyuddin Wan Muhammad, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya, Selangor, 31 Januari 2012.

<sup>85</sup> Temubual bersama Tuan Kamarulzaman bin Ali, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Gombak Barat, Selangor, 29 Mei 2012.

7. Nafkah isteri diberikan dalam jumlah tertentu mengikut nilai matawang, walaupun semasa tempoh perkahwinan

Menurut Tuan Shaiful Azli bin Jamaludin, antara perkara *ma'rūf* yang wajar berlaku adalah suami menetapkan amaun nafkah isteri yang berasingan dengan perbelanjaan tanggungan rumah. Misalnya untuk makanan dan pakaian isteri sahaja setiap bulan adalah RM1000 atau RM500. Menurut beliau lagi, satu amaun yang diberikan kepada isteri akan memudahkan para hakim dalam pentaksiran nafkah sekiranya terdapat apa-apa tuntutan nafkah daripada pihak isteri selepas perceraian ataupun dalam kes pengabaian nafkah:

*“Ma'rūf juga lebih baik ada amaun dalam perkahwinan ataupun selepas perkahwinan, contoh RM500 atau RM1000 adalah nafkah kamu (isteri) untuk makanan, pakaian kamu... kamu sahaja, bukan untuk serumah. Keperluan isi rumah perlu diasingkan dengan nafkah isteri, contoh RM200 atau RM300 kepada isteri, kerana jika lepas bercerai, ada amaun yang boleh pegang, akan memudahkan kes, jika ada perubahan pun pada kemampuan suami, sekurang-kurangnya tidak jauh penetapannya. Tak semua benda suami beli, contoh pakaian dalam dan sebagainya, ada ego yang tersendiri, jadi lebih baik suami memberikan beberapa amaun tertentu kepada isteri. Ini merupakan maksud cukup dan baik.”<sup>86</sup>*

Penetapan nafkah isteri dalam amaun tertentu yang diberikan pada tempoh-tempoh tertentu merupakan kewajaran dan kema'rūfan yang dipersetujui dan yang telah dibincangkan oleh sebahagian ulama. Walau bagaimanapun, ianya tertakluk kepada keadaan, keperluan, kemampuan dan kemaslahatan semua pihak yang terlibat.

Hasil penelitian temubual dengan para hakim, didapati bahawa dalam membuat penilaian kriteria *kifāyah* para hakim telah meraikan kecukupan keperluan nafkah isteri dan anak mengikut keperluan asas, keperluan yang mengikut kelas masyarakat dan keperluan khusus individu. Namun, tiada penegasan oleh para hakim dalam menetapkan kadar *kifāyah ‘adnā* sebagai sesuatu yang perlu dipenuhi oleh para pembiaya dalam pemberian nafkah isteri dan anak. Adalah dimaklumi bahawa kegagalan mengambil kira *kifāyah ‘adnā* nafkah isteri dan anak boleh mengganggu penjagaan kelima-lima *maqāsid shari‘ah* iaitu nyawa, akal, agama, harta dan keturunan. Berbanding dengan kriteria *kifāyah*, kriteria *ma'rūf* seperti faktor sosioekonomi suami,

<sup>86</sup> Temubual bersama Tuan Shaiful Azli bin Jamaludin, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur, Selangor, 27 Mac 2012.

kemampuan tertinggi atau sebenar suami dan pengiktibaran '*urf* masyarakat serta harga pasaran semasa item nafkah lebih jelas dipertimbangkan oleh para hakim dalam penghakiman mereka.

## KESIMPULAN

Penentuan nafkah isteri dan anak perlulah menepati kedua-dua kriteria pentaksiran nafkah iaitu *kifāyah* dan *ma'rūf*. Dengan pematuhan kepada kedua-dua kriteria ini, kadar nafkah yang ditentukan dapat memenuhi ciri-ciri kecukupan dan kebaikan sepertimana yang menjadi asas di dalam pentaksiran nafkah. Bagi menilai dan mengukur sama ada pemberian nafkah memenuhi kriteria kecukupan (*kifāyah*), kadar nafkah mestilah sekurang-kurangnya memenuhi keperluan asas atau yang diistilahkan di dalam kajian ini sebagai *kifāyah 'adnā*. Penetapan kadar asas atau *kifāyah 'adnā* sebenarnya sangat menepati kehendak syariah yang menjaga kelima-lima kepentingan manusia iaitu nyawa, akal, agama, harta dan keturunan. Kajian ini mendapati terdapat pematuhan terhadap kedua-dua kriteria tersebut dalam amalan penghakiman para hakim di mahkamah-mahkamah syariah di Malaysia. Namun, pengiktibaran *kifāyah 'adnā* ataupun had kecukupan minimum masih lagi kabur dan tidak diraikan secara jelas di dalam penghakiman hakim-hakim.

## PENGHARGAAN

Penyelidik mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi kerana membiayai penyelidikan ini di bawah geran penyelidikan FRGS FP023/2011A.

Penghargaan juga dihulurkan kepada para hakim yang sudi meluangkan masa untuk ditemubual dan memberikan maklumat-maklumat yang diperlukan bagi menyempurnakan kajian ini:

1. Yang Arif Tuan Amran Mat Zin, Hakim Mahkamah Tinggi Wilayah Persekutuan.
2. Yang Arif Tuan Hj Walid Abu Hassan, Hakim Mahkamah Tinggi Wilayah Persekutuan.
3. Yang Arif Tuan Fauzi Mokhtar, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam.
4. Yang Arif Tuan Zainor Rasyid, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam.

5. Tuan Drs Atras bin Mohamad Zin, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat.
6. Tuan Kamarulzaman bin Ali, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Gombak Barat.
7. Tuan Mohamad Fauzi bin Ismail, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kuala Langat.
8. Tuan Shaiful Azli bin Jamaludin, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur.
9. Tuan Wan Mahyuddin Wan Muhammad, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya.

## RUJUKAN

- ‘Abd al-Rahman bin Nāṣir bin al-Sa’dī, *Taysīr al-Qur’ān al-Rahman fī Tafsīr Kalām al-Mannān* (ed. ‘Abd al-Rahman bin Ma’lā; t.t.p: Mu’assasah al-Risālah, 1420/2000).
- ‘Abd Karīm bin ‘Alī bin Muḥammad al-Namlah, *Taysīr Masā'il al-Fiqh Sharah al-Rawdāt al-Marba'* (Kaherah: Maktabah al-Rushd, 1st edn, 1427/2006).
- ‘Abd Mālik bin ‘Abd Allah bin Yūsuf al-Juwaynī, *Nihāyah al-Maṭlab fī Dirāyah al-Madhab* (ed. ‘Abd al-‘Aẓīm Maḥmūd al-Dib; Jeddah: Dār al-Minhāj, 1st edn., 1428H/2008M).
- ‘Abd Rahmān bin al-Kamāl Jalāl al-Dīn al-Suyutī, *al-Dar al-Manthūr* (Beirut: Dār al-Fikr, 1420H/1993M), vol. 1.
- ‘Abd Allah bin Maḥmūd bin Maudūd al-Musilī al-Hanafī, *al-Ikhtiyār lī ta’līl al-Mukhtar* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2nd edn., 1426/2005).
- Abī al-Fidā’ Ismāīl Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*, (ed. ‘Abd Razāk al-Mahdzī; Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1422/2001).
- Abī Bakr Aḥmad bin ‘Alī al-Rāzī al-Jassas, *Aḥkām al-Qur’ān* (ed. ‘Abd Salām Muḥammad ‘Alī Shahīn; Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, n.d).
- Abī Muḥammad ‘Abd Allah bin ‘Abd Rahmān al-Qayrawānī, *al-Nawādir wa al-Ziyādat* (ed. Muḥammad Hajjī; Beirut: Dār al-Gharbī al-Islāmī, 1999).
- Abī Muḥammad Ḥussayn bin Mas’ūd bin Muḥammad al-Fara’ al-Baghwī, *al-Tahzīb fī Fiqh Imām al-Shāfi’ī* (ed. ‘Ādil Aḥmad; Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997).

- Abū Abd Allah Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurtubī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān* (Kaherah: Dār al-Syī'bi, n.d).
- Abū al-Layth Naṣr bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Samarqandī, *Bahr al-'Ulūm* (ed. Maḥmūd Mutrajī; Beirut: Dār al-Fikr, n.d).
- Abū al-Qāsim Maḥmūd bin 'Umar al-Zamakhsyarī, *al-Kashshaf 'an Haqā'iq wa 'Uyun al-Aqawil fī Wujuh al-Ta'wīl* (ed. 'Abd Razzāq al-Mahdī; Beirut: Dār Ihyā' al-Turath al-'Arabī, n.d).
- Abū Bakr Muḥammad bin 'Abd Allah Ibn al-'Arabī, *Aḥkām al-Qur'ān* (ed. Muḥammad 'Abd Qādir Atā'; Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1424/2003).
- Abū Hafs 'Umar bin 'Alī Ibn 'Ādil, *al-Lubāb fī 'Ulūm al-Kitāb* (ed. 'Ādil Aḥmad 'Abd Maujūd; Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1st edn., 1419/1998).
- Abū Isḥāq Aḥmad bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Tha'labī al-Naysabūrī, *al-Kashf wa al-Bayān* (ed. Abī Muḥammad bin 'Āsyūr; Beirut: Dār Ihyā' al-Turath al-'Arabī, 1st edn., 1422/2002).
- Abū Muḥammad 'Abd Haqq bin Ghalib bin 'Aḥiyyah al-Andalusī, *al-Muharrar al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-'Azīz* (ed. 'Abd Salām 'Abd al-Shāfi'ī Muḥammad; Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1413/ 1993).
- Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984: Seksyen 61: Pentaksiran Nafkah, [http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal\\_Original.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/d441586f0bd6767348256cef00297264?OpenDocument](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal_Original.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/d441586f0bd6767348256cef00297264?OpenDocument), Julai 2013
- Azhar Abdul Aziz, 'Amalan Perkongsian Pendapatan antara Suami Isteri dalam Keluarga Islam di Malaysia: Analisis Terhadap Sumbangan Isteri Bekerja dalam Perbelanjaan Rumah Tangga', (Tesis Ph.D; Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012).
- Al-Bayḍāwī, *Tafsīr al-Bayḍāwī* (t.t.p: Dār al-Fikr, n.d).
- Cadangan Pembaharuan Sementara (Interim Reform) Rang Undang-Undang Keluarga Islam (Pindaan) (Wilayah Persekutuan) 2005, <http://www.sistersinislam.org.my/news.php?default.0.20>, 20 Oktober 2012.
- Ibrāhīm bin Abī al-Yaman Muḥammad al-Ḥanafī, *Lisān al-Hukkām fī Ma'rifah al-Aḥkām* (Kaherah: al-Bāb al-Halbī, 1393/1973).
- Jean Van Houtte & Corinne De Vocht, 'The Obligation to Provide Maintenance between Divorced Husband and Wife in Belgium', *Law & Society Review*, 16/2 (1981-1982); 321-334, Published by: Blackwell Publishing on behalf of the Law and Society Association Stable URL: <http://www.jstor.org/stable/3053363>, 20 Julai 2012.

*Jurnal Hukum*, Bahagian II, 1981.

Kamāl al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd Wāhid, Ibn Hummām, *Sharah Fath al-Qādir ‘Ala Hidāyah: Sharah Bidāyah al-Mubtadī* (Mesir: Sharikah al-Muṣḥafā al-Bāb al-Halabī, n.d.).

Manṣūr bin Yūnus bin Idrīs al-Buhutī (2003M/ 1423H), *Kashf al-Qinā’ ‘an Matan al-Iqnā’* (ed. Ibrāhīm Aḥmad ‘Abd Ḥamīd; Riyad: Dār ‘Alīm al-Kutub).

Maznah Mohamad, ‘Di Mana Berlaku Diskriminasi dalam Undang-Undang Keluarga Islam’, dalam *Undang-Undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-Negara ASEAN* (ed. Abdul Monir Yaacob; Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2nd edn., 2000), 237-261.

Mek Wok Mahmud & Sayed Sikandar Shah Haneef, ‘The Problem of the Divorce Among Muslim’, dalam *Malaysia: Addressing Its Epistemological Dimension* (Kertas kerja International Family Law Conference, Hotel Crown Princess, Kuala Lumpur, 16-17 Januari 2007).

Muḥammad al-Amīn bin Muḥammad al-Shanqītī, *Adwa’ al-Bayān fī ‘Idah al-Qur’ān bi al-Qur’ān* (Lubnan: Dār al-Fikr li al-Tiba’ah wa al-Nasyri wa al-Tauzi’, 1415/1995).

Muḥammad al-Ḥāhir Ibn ‘Āsyūr, *Tafsīr al-Tahrīr wa al-Tanwīr* (Beirut: Mu’assasah al-Tārikh, 1st edn., 1420/2000).

Muḥammad al-Zuhaylī, *al-Mu’tamad fī al-Fiqh al-Shāfi’ī* (Damsyiq: Dār ‘Ulūm, 2007).

Muḥammad bin Aḥmad al-Sharbīnī, *Tafsīr al-Sirāj al-Munīr* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, n.d.).

Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Umar al-Shatīrī, *Syarah al-Yaqūt al-Nafīs fī Madhhab Ibn Idrīs* (Arab Saudi: Dār al-Minhāj, 2nd edn., 2007).

Muḥammad bin Ismāīl, Abū Abd Allah al-Bukhārī, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar* (ed. Muṣḥafā Dib al-Bughā; Beirut: Dār Ibn Kathīr, 3rd edn., 1987).

Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd Abū Ja’far al-Ḥabarī, *Jāmi’ al-Bayān fī Ta’wil al-Qur’ān* (ed. Aḥmad Muḥammad Syakir; t.t.p: Mu’assasah al-Risalah, 1420/ 2000).

Muḥammad bin ‘Umar bin al-Hussayn al-Rāzī, *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī* (t.t.p: Dār Ihya’ al-Turath al-‘Arabī, n.d.).

Muhyī al-Dīn Abī Zakāriā Yaḥyā bin Sharf al-Nawawī, *al-Majmu’ Sharah al-Muhadhdhab* (Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salāfiyyah, 676/n.d.).

- Muslim bin Hajjaj Abū al-Hussayn al-Qusyayrī al-Naysabūrī, *Šaḥīḥ Muslim* (ed. Muhammad Fuad ‘Abd al-Baqī; Beirut: Dār Ihya’ al-Turath al-‘Arabī, n.d.).
- Muṣṭafā al-Khīn, Muṣṭafā al-Bughā dan ‘Alī al-Sharbajī, *al-Fiqh al-Manhajī* (terj. Rashidah Adam & Shaifuddin Maulup; Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Negeri Sembilan, 1st edn., 2005).
- Nazzam, *al-Fatāwā al-Hindiyyah fī Madhhab Imām Abī Ḥanīfah* (t.t.p: Dār al- Fikr, 1991M/ 1411H).
- Nik Noraini Nik Badli Shah, *Undang-Undang Keluarga: Nafkah dan Hak- Hak Kewangan Lain* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1994).
- Nurhidayah Muhamad Hashim, ‘Failure to Provide Maintenance for the Wife & Children: Is There Justice for Women in Malaysia’s Syariah Court?’ dalam 5<sup>th</sup> Asian Law Institute Conference (ASLI), Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 2008, (Koleksi Malaysiana).
- Al-Shāfi’ī, *al-Umm* (ed. Maḥmūd Masrajī; Beirut: Dār Kutub al-‘Ilmiyyah, 2002).
- Shams al-Dīn Muḥammad bin Abī al-‘Abbās al-Ramlī, *Nihāyah al-Muhtāj ilā Sharah al-Minhāj* (t.t.p: Maktabah Muṣṭafā Bāb al-Halābī, 1967).
- Shihab al-Dīn Aḥmad bin Idrīs al-Qarāfī, *al-Dhakhirah* (ed. Muḥammad Bukhaizah; t.t.p: Dār al-Gharbī al-Islāmī, 1st edn., 1994).
- Siti Aishah Din, ‘Mekanisma Penetapan Kadar Nafkah Anak: Analisis terhadap Penghakiman Kes-kes Mahkamah Syariah Negeri Selangor’ (Disertasi Sarjana, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 2010).
- Suwaid Tapah, ‘Nafkah Isteri’, *Undang-Undang Keluarga Islam* (eds. Abdul Monir Yaacob & Siti Shamsiah Md.Supi, Kuala Lumpur: IKIM, 2006), 61-79.